

12 SEP 1998

MAHATHIR RAI PEGAWAI CGF

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meraikan pegawai-pegawai Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) pada majlis jamuan makan malam di sebuah hotel di sini.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba pada kira-kira pukul 8.30 malam, hadir sama ialah Presiden CGF Putera Edward, Pengerusi CGF Michael Fennel dan Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku.

Majlis itu turut disertai Pengerusi Sukom 98, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohad Ali dan beberapa menteri Kabinet dan Pesuruhjaya Tinggi negara-negara Komanwel di Malaysia.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan kebudayaan, tarian tradisional dan lagu-lagu Melayu asli.

-- BERNAMA

AZH RI